



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Deputy Director-General of Education Malaysia
PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KEGURUAN
Teachers Professional Development
ARAS 6, BLOK E 13, PARCEL E
Level 6, Block E 13, Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA



CERTIFIED TO ISO 9001:2005
CERT. NO. AL 16005

Tel : 03-88841078
Fax : 03-88841092
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

KP(BPSH-SPKD)201/005/02 Jld.3 43
8 Februari 2012

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

YBhg Datuk/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN KPPM BILANGAN 4 TAHUN 2012

PELAKSANAAN AMALAN GURU PENYAYANG

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Pelaksanaan amalan Guru Penyayang adalah bertujuan agar setiap guru membudayakan sikap kasih sayang di sekolah. Penyayang membawa maksud perbuatan atau perlakuan menyayangi, mengasihi, dan bersifat belas kasihan serta menghormati orang lain. Ini bermakna Guru Penyayang adalah seorang guru yang memiliki sifat **kepedulian** (*concern*) terhadap muridnya dengan cara mengamalkan nilai kasih sayang, bersikap mesra, mengambil berat, berbudi bahasa, saling menghormati, sentiasa ceria, prihatin dan sabar.

3. Guru penyayang seharusnya menjivai bahawa murid mereka merupakan aset penting yang perlu diberi perhatian, dijaga, dibimbing, dihargai kewujudannya dan disayangi setiap masa. Justeru, adalah diharapkan setiap guru menghayati konsep guru penyayang selaras dengan objektif pelaksanaan Amalan Guru Penyayang seperti berikut:

- 3.1 Menjivai amalan penyayang sebagai budaya guru;
- 3.2 Menginsafi bahawa kehadiran murid merupakan rahmat kepada sekolah;
- 3.3 Menyedari bahawa setiap murid adalah aset kepada sekolah; dan
- 3.4 Menghargai sumbangan murid, ibu bapa, komuniti/ masyarakat kepada sekolah.

4. Amalan Guru Penyayang hendaklah dilaksanakan secara berterusan agar menjadi budaya guru di sekolah. Bagi fasa pertama pelaksanaannya, sekolah hendaklah melaksanakan tiga aktiviti berikut;

- 4.1 Mengalu-alukan kehadiran murid.
- 4.2 Memberi penghargaan kepada murid
- 4.3 Program Mentor Mentee.

5. Sehubungan dengan itu, semua sekolah hendaklah merancang strategi pelaksanaannya di peringkat sekolah masing-masing. Aktiviti **Mengalu-alukan Kehadiran Murid** dan aktiviti **Memberi Penghargaan Kepada Murid** hendaklah bermula pada bulan Mac 2012. Manakala bagi program **Mentor Mentee**, pelaksanaannya hendaklah dimulakan pada bulan Mei 2012. Kaedah pelaksanaan bagi ketiga-tiga aktiviti tersebut adalah seperti di LAMPIRAN A.

6. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya, semua sekolah hendaklah mengambil tindakan seperti berikut;

- 6.1 Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana Guru Penyayang (JPGP) peringkat sekolah yang dipengerusikan oleh Pengetua/ Guru Besar.
- 6.2 Guru Bimbingan dan Kaunseling hendaklah dilantik sebagai Setiausaha kepada JPGP.
- 6.3 Konsep penyayang oleh guru hendaklah dilaksanakan sepanjang masa sama ada dalam mahu pun di luar bilik darjah.
- 6.4 Membuat analisa setiap bulan bagi menilai impak pelaksanaannya.

7. Kerjasama YBhg Datuk/Tuan/Puan dipohon untuk memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg Datuk/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(HAJI SUFA'AT BIN TUMIN)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan
Kementerian Pelajaran Malaysia

PANDUAN AKTIVITI GURU PENYAYANG

Aktiviti Guru Penyayang dilaksanakan seperti berikut;

BIL	PROGRAM	AKTIVITI	KAEDAH	PERSONALIA
1.	<p>MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN MURID</p>	<p>a. Guru mengalu-alukan murid di pintu pagar sekolah</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Semasa murid memulakan sesi persekolahan baru ii. Semasa murid datang ke sekolah iii. Semasa murid pulang dari sekolah 	<p>i. Menyambut kedatangan murid;</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Penampilan guru yang kemas dan ceria b. Bersikap mesra, berbudi bahasa dan menghormati murid c. Ambil berat, prihatin dan sabar menyambut murid <p>ii. Membuat sapaan</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Memberi salam dan menyambut salam semasa datang sekolah Contoh: "selamat pagi" "selamat datang" "jemput masuk" b. Lambaian pulang Contoh: "selamat pulang" "jaga diri baik-baik" "jumpa lagi" c. Bertanya khabar Contoh: "apa khabar hari ini?" "dah makan ke belum?" 	<p>Barisan kepimpinan sekolah dan sekumpulan guru yang diatur oleh pihak pentadbir sekolah</p>